

RIMBA DAHAN
Grey-breasted Babbler

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: *Malacopteron albogulare*

CIRI-CIRI

Spesies ini mempunyai bahagian kaki yang kuat. Individu dewasa *M.a.albogulare* mempunyai saiz yang kecil dan secara relatifnya mempunyai ekor yang pendek dengan bahagian kepala yang berwarna kelabu. Bahagian alis mata dan tekak berwarna putih dan terdapat jalur melintang pada bahagian dada yang berwarna kelabu. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa adalah di antara 13.5-15 sm.

MAKANAN

Secara umumnya, diet spesies ini terdiri daripada serangga dan lain-lain invertebrata tetapi ada sesetengahnya yang memakan buah-buahan kecil, biji-bijian dan madu pada bunga.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan paya air tawar, hutan dipterokarp dan tanah pamah. Biasanya, ia ditemui di bahagian bawah kanopi hutan dan bukan secara berkumpulan.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *whu-whi*, *whit-whu*, *uu-whi-u* yang panjang, tidak selari dan dengan nada yang menurun. Kadangkala, bunyi ini diselangi dengan bunyi *chit* yang pendek.

PEMBIAKAN

Maklumat pembiakan bagi spesies ini masih belum didokumenkan.

STATUS: Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.
IUCN, hampir terancam.